

19/10/1998

Kedutaan asing diingat jangan jadi alat

PASIR PUTEH, Ahad - Kedutaan asing di negara ini diingatkan supaya tidak menjadi alat propaganda pihak tertentu berhubung isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Tan Sri Hussein Ahmad, berkata mereka seharusnya memberikan gambaran yang betul dan tepat kepada kerajaan masing-masing, berhubung isu itu di samping tidak mencampuri urusan dalaman di negara ini.

"Inilah peranan yang harus dimainkan oleh mereka (pejabat kedutaan asing) dengan memberitahu kerajaan negara masing-masing gambaran yang betul seperti yang berlaku terhadap pemimpin kerajaan Indonesia dan Filipina dalam isu pemecatan Anwar," katanya.

Presiden Republik Indonesia, B J Habibie dan Presiden Filipina, Joseph Estrada dilaporkan bercadang menulis surat bersama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memohon supaya membebaskan Anwar daripada tahanan, sebaliknya meletakkan beliau sebagai tahanan dalam rumah.

Kedua-dua pemimpin Asean itu bagaimanapun berkata, tindakan mereka itu bukan berniat untuk campur tangan dalam masalah domestik Malaysia.

Terdahulu, Hussein merasmikan majlis memungut hasil lada dan pembukaan air musim kedua 1998 K3P Kampung Permatang Sungkai, dekat sini hari ini.

(END)